

15/10/2001

Dakwaan jihad Nik Aziz kelirukan umat Islam

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, tidak sewajarnya membuat kenyataan kononnya umat Islam di Malaysia yang dibenarkan berjuang menentang Amerika Syarikat di Afghanistan, jika terkorban, mereka dianggap mati syahid.

Bekas Setiausaha Dewan Ulama Pas Kelantan, Wan Ismail Wan Ahmad, berkata kenyataan itu seolah-olah fatwa kepada umat Islam negara ini yang sekali gus wajar ke Afghanistan untuk menentang Amerika.

"Erti jihad dan mati syahid mengikut Islam perlu difahami dengan jelas oleh umat Islam di negara ini yang mahu ke Afghanistan dan berjihad menentang Amerika, sepatutnya dijelaskan Majlis Fatwa Kebangsaan yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa mengenai perkara itu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, Nik Abdul Aziz berkata, rakyat Malaysia wajar dibenarkan ke Afghanistan untuk turut berjihad menentang serangan Amerika Syarikat terhadap negara itu.

Katanya, secara dasarnya beliau bersetuju jika rakyat negara ini khususnya umat Islam ke Afghanistan untuk berjuang menentang Amerika.

"Ia bergantung kepada Wisma Putra, kalau dibenarkan memang bagus sebab mati pun, mati syahid," katanya.

Rabu lalu, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa berkata, parti itu mengisytiharkan jihad menentang Amerika dan memberikan lampu hijau bagi penyokongnya ke Afghanistan berperang bersama Taliban.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin berkata, kerajaan berpendapat hasrat ahli Pas ingin ke Afghanistan untuk berperang bersama militan Taliban menentang Amerika Syarikat sebagai tindakan membuang masa.

Katanya, walaupun ahli Pas berhasrat berbuat demikian jika tidak dihalang, tetapi pada masa yang sama kerajaan tidak menyokong tindakan mereka.

Bagaimanapun, Wan Ismail berkata, jika itu pendapat Nik Abdul Aziz dan pemimpin Pas lain, mereka sepatutnya menyatakan kesediaan ke Afghanistan untuk berjihad dan berjuang menentang serangan Amerika Syarikat itu.

Katanya, sebagai pemimpin parti, beliau wajar berbuat demikian sebagai menunjukkan contoh kepada umat Islam di negara ini untuk berjihad menentang Amerika di Afghanistan yang menyifatkan jika terkorban akan mati syahid.

"Kalau Nik Aziz bersetuju umat Islam negara ini ke Afghanistan berjuang menentang Amerika, dia dan pemimpin Pas lain sepatutnya mengepalai perjuangan itu pergi ke Afghanistan.

"Sekurang-kurangnya, bagi pihak ahli Pas jika berpendapat jihad menentang Amerika di Afghanistan itu, kalau mati... mati syahid," katanya.

Wan Ismail berkata, masih banyak cara boleh dilakukan umat Islam di negara ini untuk membantu rakyat Afghanistan.

"Kalau nak berperang (umat Islam di Malaysia) atas nama jihad membantu Taliban dan kalau mati, mati syahid, itu belum tentu kerana Taliban sendiri bukan kerajaan Islam sah di Afghanistan dan tidak diiktiraf.

"Tapi, kalau ada ahli Pas sanggup membantu Taliban berperang menentang Amerika, saya tidak terkejut kerana di Malaysia sendiri ada kumpulan militan termasuk yang mendapat latihan ketenteraan di Afghanistan mahu menggulingkan kerajaan," katanya.

(END)

